


CAHAYA-CAHAYA SUNNAH  
YANG KHUSUS BERKENAAN  
KELEBIHAN SELAWAT KE ATAS  
NABI YANG TERPILIH ﷺ

---

أَنْوَارُ الْأَثَارِ الْمُخْتَصَّةِ بِفَضْلِ الصَّلَاةِ عَلَى النَّبِيِّ الْمُخْتَارِ ﷺ



CAHAYA-CAHAYA SUNNAH  
YANG KHUSUS BERKENAAN  
KELEBIHAN SELAWAT KE ATAS  
NABI YANG TERPILIH ﷺ

---

أَنْوَارُ الْأَثَارِ الْمُخْتَصَّةُ بِفَضْلِ الصَّلَاةِ عَلَى النَّبِيِّ الْمُخْتَارِ ﷺ

AL-IMAM AL-HAFIZ

ABU AL-‘ABBAS AHMAD IBN MA‘ADD IBN ‘ISA AL-UQLISHI

TERJEMAHAN DAN EDIT:

DR. ABDULLAAH JALIL

WISDOM PUBLICATION

Nilai, Negeri Sembilan

# **WISDOM**

---

## **PUBLICATION**

WISDOM PUBLICATION NS0078217-W  
No. 110, Jalan Dillenia 3, Laman Dillenia,  
Nilai Impian,  
Nilai, Negeri Sembilan.  
Tel: 06-794 6394  
Email: [wisdompublisher@gmail.com](mailto:wisdompublisher@gmail.com)

Hak Cipta Terpelihara © 2013 Wisdom Publication

ISBN: 978-967-10299-5-4

Edisi Pertama  
Cetakan: 10 Februari 2020

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Wisdom Publication (NS0078217-W) atau penterjemah/editor.

Pencetak:  
ZARASA ENTERPRISE,  
001372482-A,  
C-7-G, Jalan Jati 9, Acacia Avenue, Putra Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.  
Tel: +6019-282 6924  
Email: [zarasaenterprise@gmail.com](mailto:zarasaenterprise@gmail.com)

Allah ﷻ berfirman (Al-Ahzāb: 56):


إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا  
تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

“[56] Sesungguhnya Allah dan para Malaikat-Nya bersalawat ke atas Nabi; wahai orang yang beriman, bersalawatlah kamu ke atas Baginda serta mohonkanlah kesejahteraan [buat Baginda] dengan sepenuh penghormatan.”

Allah ﷻ berfirman (Al-Ahzāb: 43):

هُوَ الَّذِي يُصَلِّي عَلَيْكُمْ وَمَلَائِكَتُهُ لِيُخْرِجَكُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ وَكَانَ  
بِالْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا ﴿٤٣﴾

“[43] Dialah yang memberi rahmat kepadamu dan malaikat-Nya juga untuk mengeluarkan kamu dari gelap gelita kepada cahaya yang terang-benderang; dan adalah Dia sentiasa melimpahkan rahmat-Nya kepada orang yang beriman.”



## DEDIKASI

Kepada semua umat dan hati-hati yang merindui Rasulullah ﷺ dan ahli keluarga Baginda ﷺ,

Kepada para ulama' dan mashayikh yang mendidik umat ini dengan cinta kepada Rasulullah ﷺ dan ahli keluarga Baginda ﷺ,

Kepada kedua ayahanda dan bonda: Hj Jalil Omar and Hapisah Ismail, dan seluruh ahli keluarga,

Kepada isteri yang dikasihi: Suraiya Osman, serta anak-anak yang tercinta: Abdurrahman al-Munib, Maryam al-Safiyah, Sara al-Ameena, Ibtisam al-Nafeesa dan Muhammad al-Habib, semoga kita semua digolongkan di kalangan kekasih Allah ﷻ dan Rasul-Nya ﷺ.

## PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah ﷻ yang telah menciptakan alam ini dengan penuh kebijaksanaan dan keajaiban, serta menjadikan kita semua di kalangan umat Nabi Muhammad ﷺ, Penutup dan Penghulu segala para Nabi dan Rasul terdahulu ﷺ,

Selawat dan salam kami sampaikan kepada Junjungan serta Penghulu umat ini, Saidina Muhammad ﷺ, kekasih Allah dan rasul-Nya, juga ke atas ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ, serta seluruh para muslimin dan muslimat yang sentiasa mengharapkan kasih sayang serta shafaat Baginda ﷺ di akhirat nanti, hari di mana semua amal dihitung, tidak ada yang terselindung,

*Ammā ba'd* (Adapun selepas itu),

Pertamanya, pihak penerbit ingin memanjatkan rasa syukur kepada Allah ﷻ di atas tawfiq dan inayahNya kepada kami untuk menerbitkan kitab yang sangat bermanfaat ini. Ini adalah usaha pihak Wisdom Publication untuk menyemai dan menyuburkan ikatan umat ini dengan kekasihnya, Rasulullah ﷺ.

Kitab yang juga dikenali sebagai “*Al-Arba'īn al-Uqlishiyah*” ini adalah salah satu tanda dan manifestasi keperihatinan para ulama' hadith seperti al-Imam al-Hafiz Abu al-'Abbas al-Uqlishi terhadap amalan berselawat ke atas Rasulullah ﷺ sehinggakan beliau dan beberapa ulama' lain seperti al-Imam al-Sakhawi dan al-Imam al-Hafiz Ibn Hajar al-Haytami menghimpunkan hadith-hadith berkenaan kelebihan selawat di dalam sebuah kitab yang khusus.

Bahkan, tanda kecintaan seseorang umat itu kepada Nabinya, Rasulullah ﷺ serta ahli keluarga Baginda ﷺ juga boleh dilihat daripada



ketekunannya membasahkan lidahnya dengan zikrullah dan selawat ke atas Nabi Muhammad ﷺ. Semoga kitab ini dapat memainkan peranannya dalam memenuhi permintaan pembaca yang bersungguh-sungguh ingin menjadikan amalan berselawat sebagai salah satu wirid utama dalam amalan hariannya.

Pihak penerbit ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak di dalam menjayakan penerbitan ini. Insha-Allah, pihak penerbit akan berusaha untuk terus berkhidmat kepada Allah ﷻ dan Rasul-Nya ﷺ dalam bidang penerbitan ilmiah agar warisan Rasul-Nya ﷺ terus subur dipelajari dan diwarisi oleh umat ini. Semoga rahmat Allah ﷻ dan kasih Nabi-Nya ﷺ terus bersama kita semua di dunia ini dan lebih-lebih lagi di akhirat nanti.

Amin Ya Rabb al-‘Ālamīn.

Penerbit.

## PENDAHULUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam diutuskan buat junjungan kita, Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga serta para sahabat Baginda ﷺ,

*Ammā ba'd* (Adapun selepas itu),

Al-Imam al-Hafiz Ibn 'Asakir meriwayatkan daripada Saidina Abu Hurayrah ؓ bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ حَفِظَ عَلَى أُمَّتِي أَرْبَعِينَ حَدِيثًا مِنْ أَمْرِ دِينِهَا بَعَثَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَقِيهًا عَالِمًا

“Barangsiapa yang memelihara bagi umatku empat puluh hadith di dalam urusan agama mereka, Allah [ﷻ] akan membangkitkannya pada Hari Kiamat nanti sebagai seorang faqih lagi alim.”

Hadith tersebut walaupun *da'if* tetapi telah diriwayatkan dengan *shawahid* dan *tawabi'* yang begitu banyak. Ia telah menjadi motivasi bagi ramai para ulama', khususnya para ulama' hadith, untuk mengumpulkan sebanyak empat puluh (40) hadith atau sekitarnya di dalam sesuatu bidang ilmu. Kitab “*al-Arba'in al-Nawawiyah*” oleh Imam al-Nawawi yang mengumpulkan empat puluh dua (42) hadith berkaitan asas-asas agama Islam boleh dianggap sebagai kitab yang paling mayshur di dalam bidang pengumpulan empat puluh hadith ini.

Segala puji bagi Allah ﷻ di atas tawfiq-Nya kepada penulis untuk menterjemahkan kitab “*al-Arba‘in al-Uqlishiyyah*” yang amat bermanfaat ini. Kitab yang sedang ditatap oleh pembaca ini merupakan terjemahan bagi hasil karya dan ketekunan seorang ulama’ hadith, al-Imam al-Hafiz Abu al-‘Abbas al-Uqlishi. Kitab ini merupakan bukti kecintaan beliau kepada Rasulullah ﷺ dan kegigihan beliau di dalam mengetengahkan<sup>1</sup> amalan berselawat ini kepada masyarakat. Beliau menghimpunkan sekitar empat puluh satu (41) hadith yang berkaitan dengan keutamaan dan keistimewaan berselawat kepada junjungan kita, Rasulullah ﷺ di dalam kitab ini.

Di samping itu, beliau juga ada menyelitkan sedikit kata-kata Saidina ‘Umar al-Khattab ؓ, Sufyan al-Thawri dan *ru’yah ṣāliḥah* oleh para ṣāliḥīn sebagai faedah tambahan. Beliau juga memberikan sedikit syarahan sebelum atau selepas hadith-hadith yang berkaitan. Kitab ini disusun oleh pengarangnya dengan ringkas tanpa meletakkan bab yang khusus bagi setiap hadith. Oleh itu, penterjemah/editor meletakkan nombor serta tajuk ringkas bagi setiap hadith yang disusun oleh beliau dengan tanda [...] bagi memudahkan rujukan pembaca.

Penulis berharap agar para pembaca mendapat manfaat agama yang besar melalui kitab ini dan semoga Allah ﷻ mengurniakan kita tawfiq untuk menjadikan amalan berselawat ini sebagai salah satu wirid asas bagi amalan harian dalam usaha kita mendekati diri kepada-Nya dan mencapai reda-Nya. Amin.

Penterjemah dan Editor

---

<sup>1</sup> Menurut Kamus Dewan Edisi keempat, “mengetengahkan” bermaksud membawa ke tengah atau menampilkan ke muka, “mengenengahkan” bermaksud menjadikan tengah [Rujuk Pusat Rujukan Persuratan Melayu di [prpm.dbp.gov.my](http://prpm.dbp.gov.my)].

## PENTERJEMAH DAN EDITOR

Nama	(Dr.) Abdullaah Jalil	
Jawatan	Pensyarah Kanan	
Institusi	Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.	
Alamat	Email	<a href="mailto:abdullaahjalil@gmail.com">abdullaahjalil@gmail.com</a> / <a href="mailto:abdullaah@usim.edu.my">abdullaah@usim.edu.my</a>
	Hp	+6019 223 4502
	Pej.	+606 798 6332
Latar Belakang Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 2019: PhD Kewangan Islam, INCEIF, Kuala Lumpur.</li> <li>• 2004: MBA (Perbankan dan Kewangan Islam), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak. – (Anugerah Pelajar Terbaik Program).</li> <li>• 2001: Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Pengajian Islam), Universiti Yarmouk, Irbid, Jordan. (Kelas Pertama / <i>Mumtāz</i>).</li> <li>• 1996-1997: Kolej Islam Sultan Alam Shah. SPM &amp; SKK (<i>Mumtāz</i>).</li> <li>• 1993-1995: Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang. PMR &amp; SRA (<i>Mumtāz</i>)</li> </ul>	
Industri (Terpilih)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengerusi JK Syariah Prudential BSN Takaful</li> <li>• AJK Syariah, Bank Rakyat</li> <li>• AJK Syariah, Koperasi Kakitangan USIM</li> <li>• Ahli Jawatankuasa Panel Syariah USIM</li> <li>• Ahli Panel Penyelidik Fatwa Negeri Sembilan</li> <li>• Ahli Panel Syariah bagi Sistem Pengurusan Berasaskan Syariah MS1900:2014 di USIM</li> <li>• Panel Kepakaran bagi penyusunan Standard Program: Muamalat dan Kewangan Islam (MQA)</li> <li>• Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah dan Pemasaran Wakaf USIM</li> </ul>	

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anugerah “Friends of the Police” 2012</li> <li>• Ahli Panel Deradikalisasi, Kementerian Dalam Negeri (KDN) [Tarikh lantikan: 21 April 2017]</li> <li>• Pakar Rujuk Bagi Kes-kes Keganasan Yang Disiasat Di Bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (KDN) [Tarikh lantikan: 13 Disember 2018]</li> </ul>
<p>Bidang Penyelidikan dan Kajian</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fiqh Muamalat dan Aplikasinya</li> <li>• Tadbir Urus &amp; Kepatuhan Shariah</li> <li>• Perbankan, Kewangan dan Ekonomi Islam</li> <li>• Pengurusan Kewangan Masjid</li> <li>• Wakaf Korporat</li> <li>• Ahli Sunnah dan Jama‘ah</li> <li>• Deradikalisasi &amp; Rehabilitasi (PCVE)</li> </ul>
<p>Hasil Penulisan (Buku)</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. (2011) The Four Introductory Theories of Fiqh Muamalat</li> <li>2. (2012) Pengurusan Kewangan Masjid: Model Imarah Masjid</li> <li>3. (2013) 40 Hadith Pengurusan Harta dan Perancangan Kewangan</li> <li>4. (2013) Menjawab Persoalan Agama: Konsep al-Tark dan Perkara Baru dan Baik dari Perspektif Shariat. [Siri Memperbaiki Kefahaman Agama]</li> <li>5. (2013) Natijah Fikir dan 40 Hadith Kelebihan Zikir</li> <li>6. (2013) Pengajian Halaqah UTH3012: Program Pensiswazahan Guru</li> <li>7. (2013) Cahaya-Cahaya Sunnah Yang Khusus Berkenaan Kelebihan Selawat Ke Atas Nabi Yang Terpilih ﷺ (Abdullaah Jalil, Terjemah dan Edit).</li> <li>8. (2013;2016) <i>Nusūs Turāthiyyah: Dirāsah Manhajiyah</i> (Subjek <i>al-Halaqah</i>).</li> <li>9. (2014) The Four Main Contracts of Fiqh Muamalat.</li> </ol>

	<ol style="list-style-type: none"> <li>10. (2014) Fiqh and Management of Hajj and Umrah</li> <li>11. (2014) Arabic-English Terminology for Special Purposes in Management Studies</li> <li>12. (2015) Miftah al-Muamalat: The Gateway to Business</li> <li>13. (2016) 40 Hadith Puasa dan Ramadan: Dengan Nota Ringkas Fiqh Mazhab al-Shafi'i dan Fiqh Perbandingan</li> <li>14. (2016) Sosial Sekuriti (Takaful Ijtima'i) Menurut Perspektif Islam</li> <li>15. (2017) Quranic Index for Medical Sciences</li> <li>16. (2017) Quranic Index for Economics, Business and Management</li> <li>17. (2017) 40 Hadith Berkenaan Ketegasan Pengharaman Riba (Dengan Ulasan dan Edit) (Abdullaah Jalil: Terjemah dan Edit).</li> <li>18. (2018) 40 Hadith Berkenaan Ibadat Harta.</li> <li>19. (2018) Islamic Law of Tort.</li> <li>20. (2019) 50 Hadith Utama Berkenaan Kepentingan dan Kelebihan Zikrullah.</li> <li>21. (2019) Natijah Fikir &amp; Mutiara Nabawi Berkenaan Majlis Zikir.</li> <li>22. (2019) 50 Hadith Doa Rasulullah ﷺ dan Adab serta Kelebihannya.</li> <li>23. (2019) 40 Hadith Berkaitan Kelebihan Ilmu dan Adab-adabnya</li> <li>24. (2019) 40 Hadith Berkenaan Kelebihan Penghulu Para Rasul ﷺ (Abdullaah Jalil: Terjemah dan Edit).</li> </ol>
<p>Laman Sesawang &amp; FB "Page"</p>	<p><a href="http://www.penuntutilmu.com">www.penuntutilmu.com</a></p> <p>FB Page: Penuntut Ilmu</p> <p>FB Page: Masjid Hati Ummah</p> <p>FB Page: Muzakarah Muamalat</p>

## ISI KANDUNGAN

<b>DEDIKASI .....</b>	<b>i</b>
<b>PRAKATA.....</b>	<b>ii</b>
<b>PENDAHULUAN .....</b>	<b>iv</b>
<b>PENTERJEMAH DAN EDITOR.....</b>	<b>vi</b>
<b>ISI KANDUNGAN.....</b>	<b>ix</b>
<b>TRADISI ULAMA' HADITH.....</b>	<b>1</b>
Periwayatan “Hadīth al-Raḥmah al-Musalsal bi al-Awwaliyyah” 1	
<b>AL-IMĀM AL-ḤĀFIẒ ABŪ AL-‘ABBĀS AL-UQLĪSHĪ .....</b>	<b>2</b>
<b>[HADITH 1: Memperbanyakkan Selawat Pada Hari Jumaat]..</b>	<b>7</b>
<b>[HADITH 2: Selawat Menghampirkan Seseorang Dengan Rasulullah ﷺ] .....</b>	<b>9</b>
<b>[HADIS 3: Allah ﷻ Merahmati Orang Yang Berselawat] .....</b>	<b>10</b>
<b>[HADIS 4: Allah ﷻ Merahmati Orang Yang Berselawat Dengan Ikhlas].....</b>	<b>11</b>
<b>[HADIS 5: Para Malaikat Mendoakan Orang Yang Berselawat]</b>	<b>12</b>
<b>[HADIS 6: Selawat Menghapuskan Dosa] .....</b>	<b>13</b>
<b>[HADIS 7: Selawat Mengangkat Darjat Seseorang] .....</b>	<b>14</b>
<b>[HADIS 8: Empat Fadilat Selawat Seseorang Dengan Ikhlas]</b>	<b>15</b>
<b>[HADIS 9: Kelebihan Selawat disampaikan oleh Jibril ﷺ] ...</b>	<b>16</b>
<b>[HADIS 10: Selawat Dibentangkan kepada Rasulullah ﷺ] .....</b>	<b>18</b>
<b>[HADIS 11: Rasulullah ﷺ Bersujud Syukur Kerana Kelebihan Amalan Selawat] .....</b>	<b>20</b>
<b>[HADIS 12: Amalan Selawat Dibentangkan Pada Hari Kiamat]</b>	<b>22</b>
<b>[HADIS 13: Para Malaikat Yang Bertugas Menyampaikan Salam kepada Rasulullah ﷺ].....</b>	<b>23</b>
<b>[HADIS 14: Kegembiraan Rasulullah ﷺ Dengan Kemuliaan Selawat dan Salam ke atas Baginda] .....</b>	<b>24</b>

<b>[HADIS 15: Selawat dan Salam Disampaikan kepada Rasulullah ﷺ Dalam Apa Jua Keadaan] .....</b>	<b>25</b>
<b>[HADIS 16: Allah ﷻ Membalas Selawat dan Salam kepada Pengamalnya] .....</b>	<b>26</b>
<b>[HADIS 17: Rasulullah ﷺ Menjawab Salam Yang Ditujukan kepada Baginda ﷺ].....</b>	<b>27</b>
<b>[HADIS 18: Memohon <i>al-Wasilah</i> Bagi Rasulullah ﷺ Bersama Amalan Selawat] .....</b>	<b>28</b>
<b>[HADIS 19: Shafaat Bagi Mereka Yang Mendoakan <i>al-Wasilah</i> Untuk Baginda ﷺ] .....</b>	<b>30</b>
<b>[HADIS 20: Memulakan Doa dengan Tahmid dan Selawat] ..</b>	<b>31</b>
<b>[HADIS 21: Selawat Mengangkat Hijab Yang Menghalang Doa]</b>	<b>33</b>
<b>[Kata-kata Saidina ‘Umar <small>رضي الله عنه</small>].....</b>	<b>33</b>
<b>[HADIS 22: Jadikanlah Selawat di Permulaan, Pertengahan dan Pengakhiran Doa].....</b>	<b>35</b>
<b>[HADIS 23: Selawat Mencukupkan Segala Urusan Dunia dan Akhirat].....</b>	<b>36</b>
<b>[HADIS 24: Menjadikan Selawat sebagai Keseluruhan Doa].</b>	<b>37</b>
<b>[HADIS 25: Berselawat dan Memohon <i>al-Maq‘ad al-Muqarrab</i> Untuk Nabi ﷺ] .....</b>	<b>40</b>
<b>[HADIS 26: Nama Orang Berselawat Diberitahu Kepada Rasulullah ﷺ].....</b>	<b>41</b>
<b>[HADIS 27: Perindahkanlah Selawat Kamu ke atas Nabimu ﷺ]</b>	<b>42</b>
<b>[HADIS 28: Berselawat Ketika Masuk dan Keluar Masjid]....</b>	<b>43</b>
<b>[HADIS 29: Selawat Memelihara Doa, Keredaan Tuhan dan Tubuh Badan] .....</b>	<b>44</b>
<b>[HADIS 30: Selawat Menyelamatkan Seseorang itu Daripada Huru Hara Kiamat] .....</b>	<b>45</b>
<b>[HADIS 31: Ganjaran Selawat Yang Tertulis di dalam Kitab]</b>	<b>46</b>



<b>[HADIS 32: Malaikat Berdoa untuk Orang Yang Menulis Selawat di dalam Kitab]</b> .....	<b>47</b>
[Kata-kata Sufyan al-Thawri] .....	47
[Ru'yah Ṣāliḥah Muhammad Ibn Abi Sulayman] .....	48
[Ru'yah Ṣāliḥah 'Ubaydullah al-Fazari] .....	48
[Ru'yah Ṣāliḥah Khalaf Ṣāḥib al-Khulqān] .....	49
[Ru'yah Ṣāliḥah 'Abdullah Ibn 'Abd al-Hakam].....	49
<b>[HADIS 33: Bakhil Kerana Tidak Berselawat]</b> .....	<b>52</b>
<b>[HADIS 34: Majlis Tanpa Selawat Busuknya Melebihi Bangkai]</b> .....	<b>53</b>
<b>[HADIS 35: Biadap Kerana Tidak Berselawat]</b> .....	<b>54</b>
<b>[HADIS 36: Berselawat adalah Jalan ke Syurga]</b> .....	<b>55</b>
<b>[HADIS 37: Kehinaan Orang Yang Tidak Berselawat Apabila Mendengar Nama Baginda ﷺ]</b> .....	<b>56</b>
<b>[HADIS 38: Kaedah Berselawat ke atas Baginda ﷺ]</b> .....	<b>58</b>
<b>[HADIS 39: Berselawat ke atas Para Isteri dan Zuriat Rasulullah ﷺ]</b> .....	<b>60</b>
<b>[HADIS 40: Selawat Merupakan Persaksian Seseorang Bagi Nabi Muhammad ﷺ dan Kelayakan Mendapat Shafaat Baginda]</b> .....	<b>61</b>
<b>[HADIS 41: Berselawat dan Bersungguh dalam Berdoa]</b> .....	<b>63</b>
[Ru'yah Ṣāliḥah Abu Bakr Ibn Mujahid].....	64
[Ru'yah Ṣāliḥah Abu al-Hasan al-Shaqrani] .....	66
[Ru'yah Ṣāliḥah Abu al-Qasim 'Abdullah al-Maruzi].....	67
<b>RUJUKAN</b> .....	<b>71</b>
<b>Lampiran I: Ijazah Pengajian</b> .....	<b>73</b>
<b>Lampiran II: Sanad Penterjemah dan Editor</b> .....	<b>74</b>
<b>Lampiran III: Beberapa Selawat Yang Maysur</b> .....	<b>75</b>


Selawat Ibrahimiyah .....	75
Selawat dari Riwayat Anas Ibn Malik ﷺ .....	75
Selawat dari Riwayat ‘Abdullah Ibn ‘Abbas ﷺ .....	76
Selawat Saidina ‘Ali Ibn Abi Talib ﷺ .....	77
Selawat ‘Abdullah Ibn Mas‘ud ﷺ .....	78
Selawat Pembuka Doa – al-Imām al-Shāfi‘ī .....	79
Selawat <i>Jāmi‘ah</i> Setiap kali Selepas Solat Fardu – Mawlana al-Imam al-Shaykh Khalid al-Naqshabandi .....	79
Selawat 3 kali di Waktu Pagi dan Petang & 100 kali di Malam atau Siang Jumaat – Mawlana al-Imam al-Shaykh Khalid al-Naqshabandi .....	80
Selawat 10 kali di Waktu Pagi dan Petang – Mawlana al-Imam al- Shaykh Khalid al-Naqshabandi.....	81
Selawat al-Fatih.....	81
Selawat al-‘Azimiyah .....	81
Selawat Nur al-Anwar .....	82
Selawat al-Munjiyah.....	82
Selawat Taziyyah/Nariyyah/Kamilah/Tafrijiyyah .....	83

آخِرُ الْكِتَابِ

Akhir Kitab Ini

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ الْمَوْفِقِ لِلصَّوَابِ

Segala Puji Bagi Allah Yang Memberi Tawfiq kepada Kebenaran



## RUJUKAN

‘Abd al-Razzāq al-San‘ānī. (1403H). al-Muṣannaf. Bayrut: al-Maktab al-Islami.

Abdullah Basmeih, & Muhammad Noor Ibrahim. (1980). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama.

Abū Dāwud, Sulaymān al-Sijistānī. (2010). Sunan Abī Dāwud. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ahmad Fahmi Zamzam al-Banjari al-Nadwi al-Maliki. Bekal Akhirat.

al-Ajurri, Muhammad al-Husayn. al-Shari'ah. Misr: al-Sunnah al-Muhammadiyah / Mu'assasah Qurtubah.

al-Bazzār, Abū Bakr. (1997). al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār. al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabat al-‘Ulūm wa al-Ḥikam. Al-Quran al-Karim

al-Dhahabi, Muhammad Ahmad (1992). Siyar A'lam al-Nubala'. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.

al-Khānī, Muḥammad ‘Abdullāh. (2003). al-Bahjah al-Saniyyah fi Adāb al-Ṭarīqah al-‘Aliyyah al-Khālidiyyah al-Naqshabandiyyah. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

al-Nasā‘ī, Aḥmad Shu‘ayb. (1986). al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan. Ḥalab: Maktab al-Matbū‘āt al-Islāmiyyah.

al-Shajari, Yahya al-Husayn. (2001). al-Amali al-Khamisiyyah. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Tabarānī, Sulaymān Aḥmad. al-Mu‘jam al-Awṣaṭ. al-Mawsil: Maktabat al-'Ulum wa al-Hikam.

al-Uqlishi, Ahmad Ma'add (1996). Anwar al-Athar al-Mukhtassah bi al-Salah 'ala al-Nabi al-Mukhtar. al-Madinah: Dar al-Madinah al-Munawwarah li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Ibn Abi Shaybah. Musnad Ibn Abi Shaybah. al-Riyad: Dar al-Watn.

Ibn 'Asākir, Ali Hasan. (1998). Tārīkh Dimashq. Bayrut: Dar al-Fikr.

Ibn Battah. (2002). al-Ibanah al-Kubra. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Muslim, Ibn al-Ḥajjāj. (2006). al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim. al-Riyāḍ: Dār Ṭaybah.

## Lampiran I: Ijazah Pengajian

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، الَّذِي أَرْسَلَ حَبِيبَهُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ، وَجَعَلَ  
الصَّلَاةَ وَالسَّلَامَ عَلَيْهِ مِنْ أَفْضَلِ الْقُرْبَاتِ لِعِبَادِهِ الصَّالِحِينَ، وَالصَّلَاةَ وَالسَّلَامَ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، خَاتَمِ النَّبِيِّينَ وَإِمَامِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ:

Dengan ini, saya mengijazahkan:

.....

dengan kitab “Cahaya-cahaya Sunnah Yang Khusus Berkenaan Kelebihan Berselawat ke atas Nabi Yang Terpilih ﷺ” yang merupakan terjemahan bagi kitab “*Anwar al-Athar bi Fadl al-Salah ‘ala al-Nabi al-Mukhtar*” oleh Al-Imam al-Hafiz Abu al-‘Abbas Ahmad Ibn Ma‘add Ibn ‘Isa al-Uqlishi yang telah dipelajari dengan bersناد oleh al-faqir daripada guru yang dikasihi, al-Shaykh Gibril Fuad al-Haddad al-Shafi‘i al-Naqshabandi al-Athari. Al-Faqir berpesan kepada beliau dengan taqwa kepada Allah, dalam setiap masa dan keadaan serta terus beramal dengan apa yang dipelajari serta menjaga ahklak dan keperibadian dan terus beristiqamah atas jalan Rasulullah ﷺ, para sahabat Baginda ﷺ, para ulama’ ahli sunnah dan jama‘ah, khususnya para ulama’ empat mazhab muktabar (*fiqh*), al-Asha‘irah dan al-Maturidiyyah (*aqidah*), dan para ulama’ al-Sufiyyah (*tasawwuf*), serta tidak melupakan al-faqir dan semua *mashayikh* serta umat ini di dalam doa-doa beliau. Semoga Allah ﷻ menghimpunkan kita semua bersama kekasihNya, Nabi Muhammad ﷺ di akhirat kelak.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، أَكْمَلَ صَلَاةً وَأَتَمَّهَا وَأَشْرَفَهَا، كَمَا يُحِبُّ  
لَهُ وَيَرْضَى عَنْهُ، كُلَّمَا ذَكَرَهُ الذَّاكِرُونَ وَغَفَلَ عَنْ ذِكْرِهِ الْغَافِلُونَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

al-Mujiz: Abdullaah Jalil (.....) Tarikh: .....

## Lampiran II: Sanad Penterjemah dan Editor

*Al-Faqir ila Allah al-Ghani al-Hamid*, Abdullaah Ibn Jalil, telah menyempurnakan pengajian kitab “*Anwar al-Athar bi fadl al-Salah ‘ala al-Nabi al-Mukhtar*” pada hari Ahad, 22 Rajab 1427 bersamaan 16 Ogos 2006, jam 12.50 malam, bertempat di rumah sahabat al-faqir, Ustaz Azlan, *hafizahullah*, di Bangi Lama daripada:

Al-Shaykh Gibril Fuad al-Haddad al-Salihi al-Naqshabandi al-Athari, yang telah mengambilnya dengan ijazah daripada gurunya di dalam satu majlis:

Al-Shaykh al-Sayyid Abu Sa‘id ‘Adnan al-Majd al-Hasani, yang telah mengambilnya daripada gurunya:

Al-Shaykh Al-Sharif al-Sayyid ‘Abd al-Kabir Ibn Muhammad al-Mahi Ibn Ibrahim al-Siqilli al-Fasi al-Husayni al-Mu‘ammar, yang telah mengambilnya daripada gurunya:

Al-Shaykh al-Sayyid ‘Ali Ibn Zahir al-Witri al-Madani, dengan sanad-sanadnya yang bersambung kepada:

Al-Musnid al-Rahhalah Abu ‘Abdillah Muhammad Ibn Muhammad Ibn Jabir al-Wadi Ashi (wafat 749H), yang telah mengambilnya daripada gurunya:

Al-Shaykh Abu ‘Abdillah Muhammad Ibn Ahmad Ibn Hayyan al-Awsi, yang telah mengambilnya daripada gurunya:

Al-Shaykh Al-Hafiz Majd al-‘Ulama’ Abu ‘Abdillah Ibn al-Abbar (wafat 658H), yang telah mengambilnya daripada gurunya:

Al-Shaykh Abu Muhammad Ghalbun Ibn Muhammad Ibn Ghalbun, yang telah mengambilnya daripada gurunya:

Al-Shaykh al-Hafiz al-Shahid Abu ‘Umar Ibn ‘Ayyad al-Andalusi al-Luriyyi (wafat 575H), yang telah mengambilnya daripada gurunya:

Pengarang kitab, iaitu Al-Imam al-Hafiz Abu al-‘Abbas Ahmad Ibn Ma‘add Ibn ‘Isa al-Uqlishi.

Rujukan: Al-‘Ujalah al-Shamiyyah oleh Al-Shaykh Gibril Fuad al-Haddad al-Salihi al-Naqshabandi al-Athari.



## Lampiran III: Beberapa Selawat Yang Mayshur

### Selawat Ibrahimiyah

Selawat Ibrahimiyah adalah nama selawat yang diberikan oleh para ulama' kepada selawat yang diajarkan oleh Rasulullah ﷺ ketika ditanya oleh para sahabat ﷺ. Hadith-hadith yang memberitakan tentang pertanyaan ini sememangnya banyak diriwayatkan di dalam kitab-kitab hadith daripada ramai para sahabat ﷺ, di antara mereka ialah Ka'ab Ibn 'Ujrah ﷺ, Abu Sa'ad al-Khudri ﷺ, Abu Mas'ud al-Ansari ﷺ, Talhah ﷺ dan Abu Humayd al-Sa'idi ﷺ. Riwayat-riwayat hadith berkenaan selawat tersebut mempunyai sedikit perbezaan di antara satu sama lain dengan penambahan, pengurangan dan pengulangan. Penulis nukilkan di sini format (*sighah*) "selawat Ibrahimiyah" seperti mana yang telah dinukilkan oleh Imam Muslim daripada Abu Mas'ud al-Ansari ﷺ.

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى [سَيِّدِنَا] مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ [سَيِّدِنَا] مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى اٰلِ [سَيِّدِنَا] اِبْرٰهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى [سَيِّدِنَا] مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ [سَيِّدِنَا] مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى اٰلِ [سَيِّدِنَا] اِبْرٰهِيْمَ، فِي الْعٰلَمِيْنَ اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ

### Selawat dari Riwayat Anas Ibn Malik ﷺ

Al-Imam al-Khatib al-Baghdadi (463H) meriwayatkan dengan sanad yang baik<sup>11</sup> daripada Anas Ibn Malik ﷺ berkata:

---

<sup>11</sup> Semua perawinya adalah *thiqah* kecuali Wahb Ibn Dawud al-Darir yang merupakan seorang yang *maqbul*. Hadith ini juga mempunyai *shahid* dari riwayat Abu Hurayrah ﷺ di dalam "*al-Tarhib fi Fada'il al-A'mal*" oleh Ibn Shahin (385H).

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ ثَمَانِينَ مَرَّةً غَفَرَ اللَّهُ لَهُ ذُنُوبَ ثَمَانِينَ عَامًا، فَقِيلَ لَهُ: كَيْفَ الصَّلَاةُ عَلَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: تَقُولُ: (( اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَنَبِيِّكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ ))، وَتَعْقُدُ وَاحِدَةً.

“Aku pernah berdiri di hadapan Rasulullah ﷺ, maka Baginda bersabda: Barangsiapa yang berselawat ke atasku pada Hari Jumaat sebanyak lapan puluh (80) kali, maka Allah akan mengampunkan baginya dosa selama lapan puluh tahun (80) tahun. Lalu ditanya kepada Baginda: Bagaimanakah selawat ke atasmu itu, wahai Rasulullah?. Baginda bersabda: “Ya Allah! Limpahkanlah rahmat bersama penghormatan ke atas Muhammad, hambaMu dan NabiMu serta RasulMu, Nabi Yang Ummi,” dan itu adalah satu selawat.”

### Selawat dari Riwayat ‘Abdullah Ibn ‘Abbas ؓ

جَزَى اللهُ عَنَّا مُحَمَّدًا بِمَا هُوَ أَهْلُهُ

“Semoga Allah memberi balasan / ganjaran bagi pihak kami kepada (Nabi) Muhammad dengan apa yang Dia (Allah ﷻ atau Nabi Muhammad ﷺ) layak baginya”

‘Ikrimah meriwayatkan bahawa ‘Abdullah Ibn ‘Abbas ؓ berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ قَالَ: جَزَى اللهُ عَنَّا مُحَمَّدًا بِمَا هُوَ أَهْلُهُ، أَتَعَبَ سَبْعِينَ كَاتِبًا أَلْفَ صَبَاحٍ

“Barangsiapa berkata: “Semoga Allah memberi balasan / ganjaran bagi pihak kami kepada (Nabi) Muhammad dengan apa yang Dia (Allah ﷻ atau Nabi Muhammad ﷺ) layak baginya”, maka dia telah memenatkan tujuh puluh (70) malaikat penulis (ganjaran amalan ini) selama seribu pagi (kerana begitu banyak pahalanya).”

T: al-Tabarani di dalam al-Mu’jam al-Awsat, al-Mu’jam al-Kabir dan Musnad al-Shamiyyin; Abu Nua’ym di dalam al-Hilyah dan Akhbar Asbahani; Isma’il al-Asbahani di dalam al-Tarhib wa al-Tarhib; Ibn Shahin di dalam al-

Targhib fi Fada'il al-A'mal; Abu al-Hasan al-Khal'i di dalam al-Fawa'id al-Muntaqah dan al-Khatib al-Baghdadi di dalam Tarikhnya. Semuanya melalui riwayat Hani' Ibn al-Mutawakkil al-Iskandari. Al-Haythami berkata di dalam al-Majma': "Dan padanya Hani' Ibn al-Mutawakkil dan dia adalah seorang yang da'if." Wallahu a'lam.

## Selawat Saidina 'Ali Ibn Abi Talib ﷺ

Salamah Ibn al-Kindi berkata:

كَانَ عَلِيٌّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، يُعَلِّمُ النَّاسَ الصَّلَاةَ عَلَى نَبِيِّ اللَّهِ، يَقُولُ:

“Pernah (Saidina) 'Ali ﷺ mengajarkan orang ramai Selawat ke atas Nabi ﷺ dengan berkata:

اللَّهُمَّ دَاحِيَ الْمَدْحُوتِ، وَبَارِي الْمَسْمُوكَاتِ، وَجَبَّارِ الْقُلُوبِ عَلَى فِطْرَاتِهَا شَقِيَّهَا  
وَسَعِيدِهَا، اجْعَلْ شَرَائِفَ صَلَوَاتِكَ، وَنَوَامِي بَرَكَاتِكَ، وَرَافِعَ مَحِيَّتِكَ عَلَى مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ  
وَرَسُولِكَ، الْخَاتِمِ لِمَا سَبَقَ، وَالْفَاتِحِ لِمَا أُغْلِقَ، وَالْمَعْلُومِ الْحَقِّ بِالْحَقِّ، وَالِدَّامِعِ  
جَيْشَاتِ الْأَبَاطِيلِ كَمَا كَمُلَ، فَاضْطَلَعَ بِأَمْرِكَ لِبَطَاعَتِكَ مُسْتَوْفِرًا فِي مَرْضَاتِكَ بِغَيْرِ مُلْكٍ فِي  
قَدَمٍ، وَلَا وَهْنٍ فِي عَزْمٍ، دَاعِيًا لِرُوحِيكَ، حَافِظًا لِعَهْدِكَ، مَاضِيًا عَلَى نَفَادِ أَمْرِكَ حَتَّى أَوْرَى  
تَبَسُّمًا لِقَابِسٍ بِهِ هُدَيْتِ الْقُلُوبُ بَعْدَ خَرَصَاتِ الْفِتَنِ وَالْإِثْمِ بِمُوضِحَاتِ الْأَعْلَامِ،  
وَمَسَرَّاتِ الْإِسْلَامِ وَنَائِرَاتِ الْأَحْكَامِ، فَهُوَ أَمِينُكَ الْمَأْمُونُ، وَخَازِنُ عِلْمِكَ الْمَخْزُونِ،  
وَشَهِيدُكَ يَوْمَ الدِّينِ، وَمَبْعُوثُكَ نِعْمَةً، وَرَسُولُكَ بِالْحَقِّ رَحْمَةً، اللَّهُمَّ افْسَحْ لَهُ مُتَفَسِّحًا فِي  
عَدْلِكَ وَاجْزِهِ مُضَاعَفَاتِ الْخَيْرِ مِنْ فَضْلِكَ، لَهُ مَهْنِيَّاتٌ غَيْرُ مُكَدَّرَاتٍ مِنْ فَوْزِ ثَوَابِكَ  
الْمَعْلُومِ وَجَزِيلِ عَطَائِكَ الْمَجْلُولِ، اللَّهُمَّ أَعْلِ عَلَى بِنَاءِ الْبَاقِينَ بِنَاءَهُ، وَأَكْرِمْ مَثْوَاهُ لَدَيْكَ  
وَنُزْلَهُ، وَأَتِّمِّمْ لَهُ نُورَهُ وَأَجْرَهُ مِنْ ابْتِعَاثِكَ لَهُ، مَقْبُولَ الشَّهَادَةِ مَرْضِيَّ الْمَقَالَةِ، ذَا مَنْطِقٍ  
عَدْلٍ، وَكَلَامٍ فَضْلٍ، وَحُجَّةٍ وَبُرْهَانٍ عَظِيمٍ.

T: (al-Tabarani (360H), - al-Mu'jam al-Awsat) – Lafaz di atas; (al-Ajiri (360H), - al-Shari'ah); (Ibn Battah (387H), 2002 - al-Ibanah al-Kubra); (al-Shajari (499H), 2001 - al-Amali al-Khamisiyyah) dan lain-lain.

## Selawat 'Abdullah Ibn Mas'ud ﷺ

Imam Ibnu Majah meriwayatkan di dalam “Sunan”nya daripada 'Abdullah Ibn Mas'ud ﷺ bahawa beliau berkata:

إِذَا صَلَّيْتُمْ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَحْسِنُوا الصَّلَاةَ عَلَيْهِ، فَإِنَّكُمْ لَا تَدْرُونَ  
لَعَلَّ ذَلِكَ يُعْرَضُ عَلَيْهِ

Maksudnya: “Sekiranya kamu berselawat ke atas Rasulullah ﷺ, maka hendaklah kamu memperindahkan selawat kamu ke atas Baginda [ﷺ]. Sesungguhnya kamu tidak tahu kemungkinan selawat tersebut akan dibentangkan kepada Baginda [ﷺ].”

Maka mereka (yang mendengar ucapan beliau ﷺ) pun berkata:

فَعَلَّمَنَا

Maksudnya: “Maka, ajarkanlah kami.”

Beliau ﷺ berkata: “Ucapkanlah:

اللَّهُمَّ اجْعَلْ صَلَاتِكَ وَرَحْمَتِكَ وَبَرَكَاتِكَ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، وَإِمَامِ الْمُتَّقِينَ، وَخَاتَمِ  
النَّبِيِّينَ، [سَيِّدِنَا] مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ، إِمَامِ الْخَيْرِ، وَقَائِدِ الْخَيْرِ، وَرَسُولِ الرَّحْمَةِ، اللَّهُمَّ  
ابْعَثْهُ مَقَامًا مَحْمُودًا يَغْبِطُهُ بِهِ الْأَوْلُونَ وَالْآخِرُونَ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى [سَيِّدِنَا] مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ  
[سَيِّدِنَا] مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى [سَيِّدِنَا] إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ [سَيِّدِنَا] إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَجِيدٌ، اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى [سَيِّدِنَا] مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ [سَيِّدِنَا] مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى [سَيِّدِنَا]  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ [سَيِّدِنَا] إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

## Selawat Pembuka Doa – al-Imām al-Shāfi‘ī

Al-Shaykh al-Imam al-‘Alim al-‘Allamah Lisan al-‘Arab wa Hujjat Ahl al-Adab Sharaf al-Din Abu Sa‘id Sha‘ban Ibn Muhammad al-Qurshi al-Shafi‘i al-Anbari menyatakan di dalam kitabnya: “*Shifa’ al-Asqam fi Nawadir al-Salah wa al-Salam ‘ala Sayyidina Muhammad Khayr al-Anam*”: Adalah al-Imam al-Shafi‘i memulakan doanya dengan ungkapan berikut:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ، بَحْرِ أَنْوَارِكَ ، وَمَعْدِنِ أَسْرَارِكَ ، وَلِسَانِ حُجَّتِكَ ، وَعُرْوَسِ  
مَمْلَكَتِكَ ، وَإِمَامِ حَضْرَتِكَ ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ﷺ [وَسَلِّمْ]

## Selawat *Jāmi‘ah* Setiap kali Selepas Solat Fardu – Mawlana al-Imam al-Shaykh Khalid al-Naqshabandi

Shaykh mashayikhina al-Imam al-Shaykh Qutb al-Irshad Hadrah Mawlana Khalid al-Naqshabandi al-‘Uthmāni al-Kurdi menganjurkan para muridnya membaca selawat yang *jāmi‘* seperti di bawah selepas setiap solat fardu. Selawat ini merupakan himpunan lafaz-lafaz selawat yang mengumpulkan pelbagai riwayat hadith, athar dan amalan para ulama’ berkenaan amalan selawat di dalam satu susunan yang *jāmi‘* (komprehensif). Lafaznya berbunyi:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ، عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ،  
وَأَزْوَاجِهِ أُمَّهَاتِ الْمُؤْمِنِينَ ، وَذُرِّيَّتِهِ وَأَهْلِ بَيْتِهِ وَصَحْبِهِ ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ ،  
وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ ،

اللَّهُمَّ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
وَأَزْوَاجِهِ أُمَّهَاتِ الْمُؤْمِنِينَ، وَذُرِّيَّتِهِ وَأَهْلِ بَيْتِهِ وَصَحْبِهِ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ،  
وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ،

وَكَمَا يَلِيقُ بِعَظِيمِ شَأْنِهِ وَشَرَفِهِ وَكَمَالِهِ وَرِضَاكَ عَنْهُ وَمَا تُحِبُّ وَتَرْضَى لَهُ، دَائِمًا أَبَدًا عَدَدَ  
مَعْلُومَاتِكَ وَمِدَادِ كَلِمَاتِكَ وَرِضَاءِ نَفْسِكَ وَزِينَةِ عَرْشِكَ، أَفْضَلَ صَلَاةٍ وَأَكْمَلَهَا وَأَتَمَّهَا،  
كُلَّمَا ذَكَرَكَ وَذَكَرَهُ الذَّاكِرُونَ، وَكُلَّمَا غَفَلَ عَنْ ذِكْرِكَ وَذَكَرَهُ الْغَافِلُونَ، وَسَلَّمْ تَسْلِيمًا  
كَذَلِكَ، وَعَلَى جَمِيعِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِمْ وَصَحْبِهِمْ وَالتَّابِعِينَ، وَعَلَى أَهْلِ  
طَاعَتِكَ أَجْمَعِينَ مِنْ أَهْلِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِينَ، وَعَلَيْنَا مَعَهُمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

Rujukan: al-Sa'ādah al-Abadiyyah fīmā Jā'a bih al-Naqshabandiyyah, pp.40-41.

### **Selawat 3 kali di Waktu Pagi dan Petang & 100 kali di Malam atau Siang Jumaat – Mawlana al-Imam al-Shaykh Khalid al- Naqshabandi**

Dan beliau menganjurkan para muridnya untuk membaca selawat di bawah ini sebanyak tiga kali pada setiap pagi dan petang serta sebanyak 100 kali pada siang hari Jumaat atau malamnya.

صَلَوَاتُ اللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَأَنْبِيَائِهِ وَرُسُلِهِ وَجَمِيعِ خَلْقِهِ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، عَلَيْهِ  
وَعَلَيْهِمُ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Rujukan: al-Sa'ādah al-Abadiyyah fīmā Jā'a bih al-Naqshabandiyyah, p.40.

## Selawat 10 kali di Waktu Pagi dan Petang – Mawlana al-Imam al-Shaykh Khalid al-Naqshabandi

Beliau juga menganjurkan pembacaan selawat di bawah sebanyak sepuluh (10) kali setiap pagi dan petang.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَفْضَلَ صَلَوَاتِكَ عَدَدَ مَعْلُومَاتِكَ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ

### Selawat al-Fatih

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْفَاتِحِ لِمَا أُغْلِقَ، وَالْخَاتِمِ لِمَا سَبَقَ، نَاصِرِ الْحَقِّ بِالْحَقِّ، وَالْهَادِي إِلَى صِرَاطِكَ الْمُسْتَقِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ حَقَّ قَدْرِهِ وَمِقْدَارِهِ الْعَظِيمِ

Selawat al-Fatih dinisbahkan kepada al-Shaykh Abu al-'Abbas Ahmad al-Tijani, penyusun Tariqah al-Tijaniyyah. Selawat ini adalah merupakan salah satu amalan yang penting di dalam Tariqah al-Tijaniyyah.

### Selawat al-'Azimiyyah

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِنُورِ وَجْهِ اللَّهِ الْعَظِيمِ، الَّذِي مَلَأَ أَرْكَانَ عَرْشِ اللَّهِ الْعَظِيمِ، وَقَامَتْ بِهِ عَوَالِمُ اللَّهِ الْعَظِيمِ، أَنْ تُصَلِّيَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ذِي الْقَدْرِ الْعَظِيمِ، وَعَلَى آلِ نَبِيِّ اللَّهِ الْعَظِيمِ، بِقَدْرِ عَظَمَةِ ذَاتِ اللَّهِ الْعَظِيمِ، فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ عَدَدَ مَا فِي عِلْمِ اللَّهِ الْعَظِيمِ، صَلَاةً دَائِمَةً بِدَوَامِ اللَّهِ الْعَظِيمِ، تَعْظِيمًا لِحَقِّكَ يَا مَوْلَانَا يَا مُحَمَّدُ يَا ذَا الْخُلُقِ الْعَظِيمِ، وَسَلِّمْ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ مِثْلَ ذَلِكَ، وَاجْمَعْ بَيْنِي وَبَيْنَهُ كَمَا جَمَعْتَ بَيْنَ الرُّوحِ وَالنَّفْسِ، ظَاهِرًا وَبَاطِنًا، يَقْظَةً وَمَنَامًا، وَاجْعَلْهُ يَا رَبِّ رُوحًا لِذَاتِي مِنْ جَمِيعِ الرُّوحِ فِي الدُّنْيَا قَبْلَ الْآخِرَةِ يَا عَظِيمُ.

Selawat ini dinisbahkan kepada al-Sayyid Ahmad Ibn Idris, penyusun Tariqah Ahmadiyah, dengan sanad yang bersambung. Selawat ini merupakan salah satu wirid yang penting di dalam Tariqah Ahmadiyah.

### Selawat Nur al-Anwar

اللَّهُمَّ صَلِّ [وَسَلِّمْ] عَلَى نُورِ الْأَنْوَارِ ، وَسِرِّ الْأَسْرَارِ ، وَتَرْيَاقِ الْأَغْيَارِ ، وَمِفْتَاحِ بَابِ  
الْيَسَارِ ، سَيِّدِنَا [وَمَوْلَانَا] مُحَمَّدِ الْمُخْتَارِ ، وَآلِهِ الْأَطْهَارِ ، وَأَصْحَابِهِ الْأَخْيَارِ ، عَدَدَ نِعَمِ اللَّهِ  
وَإِفْضَالِهِ

Selawat ini dinisbahkan kepada al-Sayyid Ahmad al-Badawi, salah seorang daripada al-Aqtab al-Arba'ah. Al-Shaykh Ahmad Zayni Dahlan<sup>12</sup> telah menerangkan faedah selawat ini<sup>13</sup> dan menyatakan wirid bagi selawat ini adalah seratus kali sehari.

### Selawat al-Munjiyah

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، (وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ)، صَلَاةً تُنَجِّنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ الْأَهْوَالِ  
وَالْآفَاتِ، وَتَقْضِي لَنَا بِهَا جَمِيعَ الْحَاجَاتِ، وَتُطَهِّرُنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ السَّيِّئَاتِ، وَتَرْفَعُنَا بِهَا  
عِنْدَكَ أَعْلَى الدَّرَجَاتِ، وَتُبَلِّغُنَا بِهَا أَقْصَى الْغَايَاتِ مِنْ جَمِيعِ الْخَيْرَاتِ فِي الْحَيَاةِ وَبَعْدَ  
الْمَمَاتِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ تَسْلِيمًا كَثِيرًا

---

<sup>12</sup>Beliau adalah Mufti Mazhab al-Shafi'i di Makkah al-Mukarramah menggantikan al-Shaykh Abdullah al-Zawawi yang wafat dibunuh di Taif. Beliau dilahirkan pada tahun 1818M/1231H dan wafat pada tahun 1886M/1304H.

<sup>13</sup> Beliau dinukilkan sebagai berkata:

"هذه الصلاة مجربة لقضاء الحاجات، وحصول الأنوار والأسرار، بل ومجربة لجميع الأشياء، وعددها مائة مرة كل يوم"



Selawat Munjiyah ini terlalu masyhur di kalangan para ulama' dan telah menjadi amalan mereka sejak zaman-berzaman. Di antara para ulama' yang menyebut tentangan kebaikan selawat ini ialah al-Faqih al-Maliki al-Shaykh ʿUmar Ibn ʿAli Ibn Salim al-Fakihani dengan riwayat daripada al-Shaykh al-Salih Musa al-Darir, al-Shaykh al-Hasan Ibn ʿAli al-Aswani, al-Sayyid Muhammad Afandi ʿAbidin, al-ʿAllamah al-Musnid Ahmad al-ʿAttar, al-Shaykah al-ʿAllamah al-Sawi dengan riwayat daripada al-Shaykh al-Samhudi dan al-Shaykh al-Malawi, al-Shaykh al-ʿArif Muhammad Haqqi Afandi al-Nazili, al-Shaykh al-Buni dan lain-lain . Selawat ini juga banyak dijadikan sebagai salah satu amalan di dalam wirid dan hizb mereka (para ulama') seperti Dala'il al-Khayrat oleh Imam Abu ʿAbdillah Muhammad Ibn Sulayman al-Jazuli dan Hizb al-Sayyid ʿAli al-Bayumi Sultan al-Muwahhidin.

### **Selawat Taziyyah/Nariyyah/Kamilah/Tafrijiyyah**

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً، وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا، عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلُ بِهِ الْعُقْدُ،  
وَتَنْفِرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى  
الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ

Selawat ini dinisbahkan kepada al-Imam Abu al-Mawahib Ahmad al-Tazi dengan sanad yang bersambung. Taziyyah adalah nisbah dengan al-Imam al-Tazi, al-Nariyyah adalah nisbah kepada kesannya yang cepat, Kamilah dan Tafrijiyyah jelas terdapat dalam lafaznya. Al-Imam al-Qurtubi juga pernah memuji selawat ini.